

INSTITUT AMINUDDIN BAKI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
TERMA RUJUKAN
JAWATANKUASA TEKNIKAL PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN IAB

1.1 Definisi

Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan (JKTPP) ditubuhkan untuk menjamin kualiti penyelidikan dan pembangunan IAB.

1.2 Fungsi

- 1.2.1 Memastikan penyelidikan dan pembangunan IAB menepati fungsi dan peranan organisasi sebagai pusat latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan.
- 1.2.2 Mengawal selia kualiti penyelidikan dan pembangunan yang dihasilkan oleh IAB.
- 1.2.3 Mengesyorkan kertas cadangan penyelidikan untuk kelulusan oleh Lembaga Pengajian IAB.
- 1.2.4 Mengesyorkan laporan penyelidikan untuk diperakukan oleh Lembaga Pengajian IAB.

1.3 Keahlian

- 1.3.1 Pengerusi: Timbalan Pengarah Khidmat Profesional.
- 1.3.2 Timbalan Pengerusi: Ketua Pusat Penyelidikan dan Penilaian.
- 1.3.3 Setiausaha: Ketua Jabatan Penyelidikan Pendidikan.
- 1.3.4 Ahli Mesyuarat JKTPP terdiri daripada ahli tetap yang terdiri daripada 4 orang pensyarah IAB Induk dan 2 orang pensyarah daripada setiap IAB Cawangan (12 Orang).
- 1.3.5 Ahli Jemputan dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal mengikut kepakaran dan keperluan.
- 1.3.6 Bilangan ahli jawatankuasa tidak melebihi 20 orang.
- 1.3.7 Urus Setia: Jabatan Penyelidikan Pendidikan.

1.3.8 Ahli Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan dilantik oleh Pengarah IAB dan tempoh keahlian adalah selama 2 tahun.

1.4 Pentadbiran Mesyuarat

1.4.1 Pengerusi mesyuarat ialah Pengerusi dan/atau Timbalan Pengerusi.

1.4.2 Kuorum mesyuarat ialah 60% ahli jawatankuasa mesyuarat.

1.4.3 Ke kerapannya mesyuarat adalah setiap 3 bulan (4 kali setahun) atau mengikut keperluan.

1.4.4 Minit setiap mesyuarat Jawatankuasa Teknikal hendaklah disemak oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi dan diserahkan kepada Ahli Jawatankuasa mesyuarat dan Pengerusi Lembaga Pengajian dan Pengerusi Jawatankuasa Teknikal yang lain.

1.4.5 Penilai jika terdiri bukan dari ahli tetap boleh dijemput menghadiri mesyuarat.

1.4.6 Ahli tetap yang tidak dapat hadir tetapi telah memberi penilaian bertulis terhadap kertas cadangan/laporan boleh dikira jika wujud kes tidak cukup kuorum hadir.

1.4.7 Sekiranya wujud keadaan di mana ahli jawatankuasa yang boleh hadir tidak mencapai 60%, mentor penyelidik boleh dijemput ke Mesyuarat JKTPP dengan syarat penilaian bertulis terhadap kertas cadangan/laporan kajian disediakan oleh ahli tetap berkenaan.

1.4.8 Urus setia akan mengedarkan salinan kertas cadangan atau laporan penyelidikan yang akan dinilai dalam bentuk 'soft copy' melalui e-mel kepada semua ahli jawatankuasa seminggu sebelum bermesyuarat.

1.4.9 Pembentangan kertas cadangan atau laporan penyelidikan oleh ketua penyelidik untuk dinilai adalah dalam tempoh 20 minit.

1.4.10 Format pembentangan kertas cadangan mesti mengandungi perkara berikut:

- a. Pendahuluan/Latar Belakang Kajian
- b. Pernyataan Masalah
- c. Objektif Kajian
- d. Persoalan Kajian
- e. Kepentingan Kajian
- f. Kerangka Konseptual Kajian

- g. Hipotesis Kajian (Jika kajian kuantitatif)
- h. Tinjauan Literatur
- i. Metodologi
 - Rekabentuk Kajian (Kaedah Pengumpulan Data)
 - Instrumen Kajian
 - Kaedah Persampelan (termasuk bilangan sampel dan populasi)
 - Kaedah Analisis Data
- j. Rujukan
- k. Jadual pelaksanaan
- l. Anggaran Bajet

1.4.11 Format pembentangan laporan penyelidikan adalah seperti berikut:

- a. Pendahuluan / Latar Belakang Kajian
- b. Pernyataan Masalah Kajian
- c. Objektif Kajian
- d. Persoalan Kajian
- e. Kepentingan Kajian
- f. Kerangka Konseptual Kajian
- g. Hipotesis Kajian (Jika Kajian Kuantitatif)
- h. Tinjauan Literatur
- i. Metodologi Kajian
 - Rekabentuk Kajian (Kaedah Pengumpulan Data)
 - Instrumen Kajian
 - Kaedah Persampelan (Termasuk Bilangan Sampel Dan Populasi)
 - Kaedah Analisis Data
- j. Dapatan Kajian
- k. Perbincangan
- l. Kesimpulan dan Cadangan
- m. Rujukan

1.5 Bidang Tugas Penilai

- 1.5.1 Menilai penyelidikan yang akan dijalankan oleh IAB daripada aspek kesesuaian, keperluan, kandungan dan implikasi kewangan organisasi.
- 1.5.2 Menyemak, memberi cadangan dan kelulusan kepada kertas cadangan dan laporan kajian yang dikemukakan.
- 1.5.3 Mengesyorkan kertas cadangan dan laporan kajian bagi setiap penyelidikan yang akan dilaksanakan untuk kelulusan Lembaga Pengajian IAB.
- 1.5.4 Menilai kertas cadangan dan laporan kajian penyelidikan yang dibentangkan oleh penyelidik.

1.6 Bidang Kuasa

- 1.6.1 Pengarah IAB mempunyai kuasa dan autoriti untuk meminda perkara-perkara yang dinyatakan dalam terma rujukan ini sekiranya terdapat percanggahan dengan dasar-dasar dan peraturan sedia ada, undang-undang serta Perlembagaan. Jawatankuasa Teknikal Penyelidikan dan Pembangunan berperanan untuk mengusulkan sebarang pindaan yang dirasakan wajar.
- 1.6.2 Pengarah IAB mempunyai kuasa-kuasa khas untuk membuat keputusan dalam bidang-bidang yang berkaitan di atas tanpa perlu merujuk kepada ahli jika sesuatu perkara/kes bertaraf SEGERA/KRITIKAL untuk kepentingan kerajaan.